

24/12/1999

Rakyat mahu wakil hadir Parlimen

KUALA LUMPUR, Khamis - Pelbagai lapisan rakyat di seluruh negara kecewa sikap Ahli Parlimen yang tidak menghadiri persidangan Dewan Rakyat sedangkan mereka baru dipilih sebagai wakil rakyat.

Dalam tinjauan rambang Berita Harian hari ini, mereka yang ditemui berpendapat, wakil rakyat bukan sahaja perlu menghadiri persidangan Dewan Rakyat, malah mengambil bahagian dalam perbahasan.

Sehubungan itu, mereka mencadangkan peraturan tertentu diperkenalkan supaya tindakan boleh diambil terhadap wakil rakyat yang gagal menghadiri sidang tanpa alasan munasabah.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika diminta mengulas perkara itu membayangkan, ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) yang tidak menghadiri sidang Dewan Rakyat mungkin tidak disenaraikan sebagai calon pada pilihan raya umum akan datang.

Sementara sebahagian yang hadir pula, kata Perdana Menteri, hanya untuk mendapatkan elaun tetapi banyak membuang masa di kawasan lobi atau makan di kantin Parlimen.

Selasa lalu, purata ahli Parlimen yang hadir ialah sekitar 100 orang dan menurun kepada 86 orang semalam berbanding jumlah keseluruhan 193 kerusi di Dewan Rakyat.

Sementara itu, penolong pengurus sebuah syarikat swasta di Batu Pahat, Johor, Abdul Halim Abdul Mutalib, 27, menyifatkan ahli Parlimen yang tidak hadir persidangan sebagai tidak bertanggungjawab dan mengabaikan kepercayaan rakyat.

Sehubungan itu, beliau meminta mana-mana ahli Parlimen yang tidak mahu menghadiri persidangan supaya meletakkan jawatan dan memberi peluang kepada orang lain menjadi wakil rakyat.

Anggota tentera di Kem Batu, Jalan Ipoh di sini, Mohamad Ali Abidin, 28, pula menyarankan elaun ahli Parlimen yang ponteng mesyuarat dipotong dan nama mereka disenaraihitamkan.

Pelajar Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan, Siti Suraya Awang, 21, berkata sikap ahli Parlimen terbabit jauh berubah ketika sebelum pilihan raya yang mana mereka merayu pengundi supaya diberi peluang menjadi wakil rakyat.

"Bagaimanapun, apabila diberi kepercayaan, mereka pula tidak bertanggungjawab dengan tidak hadir persidangan," katanya.

Pemandu teksi, Hari Shankar Narayanan, 31, berkata ahli Parlimen BN yang tidak hadir persidangan menunjukkan mereka tidak mengambil berat nasihat Perdana Menteri.

Beliau mencadangkan supaya ahli Parlimen menggunakan kad perakam waktu supaya rekod kedatangan mereka dapat dicatat serta dirujuk.

"Bagi mereka yang jarang datang ke Parlimen, kita sepakat untuk tidak memilih mereka lagi pada pilihan raya akan datang," katanya.

Di ALOR STAR, eksekutif jualan syarikat komputer, Azmira Abdullah, 23, berkata, wakil rakyat yang tidak menghadiri persidangan membohongi pengundi yang memberi kepercayaan kepada mereka.

Pengurus teknikal, Shukri Mohamad, 30, berkata wakil rakyat yang diberi mandat oleh pengundi harus bersikap jujur dan perlu menghadiri persidangan yang menjadi tugas mereka.

Beliau juga mencadangkan supaya elaun mereka dipotong dan dikenakan tindakan disiplin oleh parti masing-masing.

Kerani insurans, Ku Sofiah Ku Putra, 31, berpendapat wakil rakyat Islam

sepatutnya sedar bahawa selain bertanggungjawab, mereka sebenarnya memikul amanat Allah dalam mewakili rakyat.

"Justeru, jika mereka tidak menunaikan amanat ini secara jujur, mereka bukan sahaja berdosa kepada pengundi, malah juga berdosa kepada Allah.

"Mereka sepatutnya mewakili rakyat untuk menyuarakan pelbagai perkara demi kepentingan rakyat, termasuk peningkatan harga barang yang dialami sekarang.

"Tetapi, jika tidak hadir pada persidangan, bila pula mereka boleh menunaikan tanggungjawab mereka," katanya.

Di KUCHING, pemilik salun kecantikan, Maria Mohamad, 31, kesal dengan sikap wakil rakyat yang memberi pelbagai alasan untuk tidak hadir persidangan.

"Alasan kecemasan mungkin boleh diterima, tetapi jika alasan sibuk dengan urusan lain seperti perniagaan, ia sepatutnya ditolak dan amaran keras perlu dikenakan kepada mereka.

"Jika mereka masih bersikap seperti itu, pemimpin atasan perlu mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan kesalahan yang mereka lakukan," katanya.

Peniaga, Fatimah Salleh, 35, berkata wakil rakyat tidak harus mempersiapkan kepercayaan rakyat yang telah memilih mereka pada pilihan raya lalu.

"Rakyat memilih mereka dengan harapan mampu mengetengahkan masalah yang dihadapi di peringkat Parlimen tetapi jika rakyat mengambil sikap mudah dan tidak menghadiri persidangan, perbuatan itu sudah keterlaluan.

"Wakil rakyat seperti itu tidak layak terus bergelar 'Yang Berhormat', kerana mereka gagal menunjukkan sikap yang harus dihormati," katanya.

Seorang lagi peniaga, Zaini Batu, 35, berkata sebagai ahli politik, wakil rakyat tentu tahu kesan daripada sikap tidak menjalankan tugas dengan baik.

Katanya, jika amaran keras tidak memberi kesan kepada wakil rakyat yang gagal menghadiri persidangan, mereka harus disenaraihitamkan agar memberi pengajaran kepada yang lain.

Di KOTA KINABALU, Penyelia perkhidmatan kurier, Charles Tuyoh, 34, berkata tindakan itu menunjukkan mereka seperti tidak bertanggungjawab setelah diberi kepercayaan rakyat dalam pilihan raya Parlimen lalu.

"Tidak kiralah sama ada mereka wakil rakyat kerajaan atau pembangkang, tindakan tidak menghadiri sidang Dewan Rakyat tanpa alasan munasabah tidak sepatutnya berlaku," katanya.

Guru, Asmin Mudin, 29, berkata apa yang berlaku di Dewan Rakyat sekarang seharusnya membuka mata kepimpinan BN dan Umno untuk menilai semula kriteria pemilihan calon.

Pelajar, Melissa Markus, 21, pula berkata adalah sesuatu yang memalukan apabila wakil rakyat bersikap seperti budak-budak yang selalu "ponteng" sekolah dan hanya hadir apabila Dr Mahathir turut menghadiri sidang Dewan Rakyat.

"Nampaknya Ahli Parlimen ini lebih takutkan Dr Mahathir daripada rakyat yang sebenarnya memilih mereka, sehingga menghilangkan diri daripada Dewan Rakyat apabila Perdana Menteri tidak hadir.

"Ini menunjukkan mereka tidak kisah dengan amanah dan tanggungjawab yang diberikan rakyat tetapi lebih pentingkan kedudukan mereka sahaja," katanya.

Di GEORGETOWN, pengusaha pasar mini di Jelutong, Mahmud Samad, 35, berpendapat wakil rakyat yang tidak menghadiri persidangan sepatutnya ditingkirkan sahaja.

Menurutnya, rakyat tidak memerlukan Ahli Parlimen yang mengabaikan tanggungjawab yang diharapkan.

Eksekutif media syarikat swasta, Zamani Yusof, 35, berkata adalah tidak

wajar ahli Parlimen tidak hadir di Dewan Rakyat kerana mereka sudah diberi tanggungjawab untuk membawa masalah rakyat ke persidangan itu.

Menurutnya, tindakan patut diambil terhadap Ahli Parlimen terbabit jika mereka gagal menghadirkan diri tanpa sebab yang munasabah.

DI JOHOR BAHRU, juruteknik, Johari Kadir, 27, berkata setiap wakil rakyat mesti mempunyai tanggungjawab dengan menghadiri sidang.

"Ia penting bagi memastikan setiap maklumat mengenai isu semasa dapat disalurkan kepada rakyat. Jadi, wakil rakyat seharusnya dikenakan tindakan tata tertib jika gagal menghadiri sidang," katanya.

Kerani swasta, Norliza Tahir, 23, pula berkata, setiap wakil rakyat yang diberi mandat seharusnya berfikiran lebih terbuka dan matang dengan sepatutnya menghadiri sidang.

Pemandu teksi, Sanusi Bibu, 30, mencadangkan supaya wakil rakyat yang gagal menghadiri sidang diberikan latihan disiplin diri.

"Wakil rakyat juga perlu mengikuti kursus kesedaran selama tiga bulan sebagai persediaan awal supaya mereka sedar mengenai amanah yang diberikan oleh rakyat," katanya.

Jurujual, Kenny Cheng, 25, pula berpendapat isu wakil rakyat tidak menghadiri sidang tidak harus dipandang ringan oleh masyarakat kerana mereka menjadi wakil bagi rakyat menyuarakan pendapat.

"Kita harus menolak kepimpinan mereka pada pilihan raya akan datang kerana mereka tidak mengambil berat masalah rakyat sebaliknya suka menghabiskan masa berseronok dengan kedudukan.

(END)